



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : Bil. (62) dlm.BPFK/02/5/1.3

Tarikh : 15 AUG 2006

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN, PENGIMPORT DAN PENGILANG BERLESEN

Tuan,

MENAIKTARAF CIRI-CIRI KESELAMATAN LABEL MEDITAG™

Adalah saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. PBKD dalam mesyuaratnya yang ke 161 telah membuat keputusan mengenai penggunaan label Meditag™ ke atas semua produk berdaftar mulai 1 Mei 2005.
3. Label Meditag™ telah dibangunkan dengan beberapa ciri keselamatan yang tinggi bagi memastikan kualiti dan keselamatan label ini terjamin.
4. Sejarar dengan persetujuan dalam kontrak bekalan label Meditag™, Mediharta Sdn Bhd sebagai pihak pembekal, adalah bertanggungjawab untuk mengkaji aspek keselamatan label Meditag™ dan mengambil tindakan meningkatkan tahap keselamatan label hologram Meditag™.
5. Sehubungan dengan itu, pihak Mediharta Sdn Bhd telah menaiktaraf ciri-ciri keselamatan label Meditag™ dan memperkenalkan label Meditag™ baru.
6. Meditag™ baru ini mempunyai beberapa ciri keselamatan yang bukan sahaja memperkukuhkan lagi tahap keselamatan label Meditag™ tetapi juga meningkatkan lagi keupayaan tindakan penguatkuasaan pihak Penguatkuasa Farmasi.
7. Sukacita dimaklumkan bahawa label Meditag™ baru masih mengekalkan rupabentuk Meditag™ lama tetapi dengan tambahan ciri-ciri baru dan peningkatan ciri-ciri keselamatan ini tidak akan melibatkan peningkatan pada harga label Meditag™.
8. Label Meditag™ yang baru ini dijangka mula diedarkan pada bulan September 2006. Walaubagaimanapun stok label Meditag™ lama yang masih di dalam simpanan masih boleh digunakan. Pada peringkat ini, kedua-dua label Meditag™(baru dan lama) akan berada di pasaran. Untuk makluman tuan, cadangan menaiktaraf label Meditag™ ini akan dilaksanakan secara prospektif.

9. Pihak tuan adalah disarankan agar mengambil maklum dan mematuhi keperluan di atas.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

" UTAMAKAN KUALITI, EFIKASI DAN KESELAMATAN "

Saya yang menurut perintah,



(SELVARAJA SEERANGAM)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah

Kementerian Kesihatan Malaysia.

tmddf/-030806

- s.k .
1. Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Bhg. Farmasi, KKM.
 2. Ketua Pusat Pembangunan Organisasi (PPO), BPFK
 3. Ketua Pusat Pasca Pendaftaran Produk (PPPP), BPFK
 4. Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)
 5. Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)
 6. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Tradisional Melayu Malaysia (PURBATAMA)
 7. Presiden, Majlis Perubatan Homeopathy Malaysia
 8. Presiden, Pertubuhan Perubatan Tradisional India Malaysia (PEPTIM)
 9. Presiden, Federation of Chinese Physicians & Medicine Dealers Association Malaysia (FCPMDAM)
 10. Presiden, Persatuan Pengeluar Ubat Cina Malaysia